

IDAMAN PHARMA ALBENDAZOLE SUSPENSION

Albendazole (200mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Albendazole Suspension
2. Bagaimana Albendazole Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Albendazole Suspension
4. Cara menggunakan Albendazole Suspension
5. Semasa menggunakan Albendazole Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Albendazole Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Albendazole Suspension

Albendazole Suspension digunakan untuk merawat dan membunuh cacing atau parasite dari usus dan lain-lain tisu. Ubat ini berkesan terhadap cacing benang atau cacing pita, cacing gelang, cacing cemeti, cacing kerawit dan cacing jenis lain.

Bagaimana Albendazole Suspension berfungsi

Albendazole Suspension mengandungi bahan aktif albendazole yang bertindak menghalang pengambilan glukosa oleh cacing, dengan itu tahap tenaga yang diperlukan olehnya untuk hidup semakin berkurangan. Oleh kerana penghasilan tenaga berkurangan, parasite itu tidak boleh bergerak dan akhirnya mati. Telur, larva dan cacing dewasa akan terjejas.

Sebelum menggunakan Albendazole Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Albendazole Suspension sekiranya:

- Anda alah kepada albendazole atau sebarang bahan-bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini. Bahan-bahan tersebut disenaraikan pada akhir risalah ini. Tanda-tanda tindak balas alahan termasuk ruam kulit gatal, sesak nafas dan bengkak muka atau lidah
- Anda telah mengambil Albendazole Suspension sebelum ini dan berasa

tidak sihat, beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil dos yang pertama

- Melempi Tarikh luput yang dicetak pada pek bungkusan
- Bungkusan telah koyak atau menunjukkan tanda-tanda telah dibuka
- Anda fikir anda mungkin hamil atau anda berhasrat untuk hamil

Albendazole Suspension tidak digalakkan untuk kanak-kanak di bawah umur 1 tahun.

- Sebelum mengambil Albendazole Suspension

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya:

- Anda menyusukan bayi anda
- Jika mengambil ubat-ubatan lain
Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Albendazole Suspension

- Berapa banyak harus diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang biasa untuk orang dewasa dan kanak-kanak berumur 2 tahun dan lebih adalah 400mg/10ml sebagai dos tunggal.

Bagi keadaan lain, dos yang ditetapkan oleh doktor mungkin berbeza. Anda perlu mengambil ubat ini sehingga habis, dan bukannya berhenti mengambil ubat ini apabila telah berasa lebih sihat.

Doktor anda akan memantau keadaan anda tiga minggu selepas mengambil dos yang diberikan. Ini adalah untuk memastikan bahawa Albendazole

Suspension telah berfungsi. Kadang-kadang, dos kedua Albendazole Suspension mungkin diperlukan.

- Bila perlu diambil

Anda akan diberitahu sama ada untuk mengambil ubat ini Bersama makanan atau ketika perut kosong, dan sangat penting untuk anda mengikuti arahan ini.

Goncang botol sebelum digunakan.

- Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal tersebut dan tunggu masa untuk mengambil dos seterusnya pada masa yang ditetapkan. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perubatan segera.

Semasa menggunakan Albendazole Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Albendazole Suspension.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

IDAMAN PHARMA ALBENDAZOLE SUSPENSION

Albendazole (200mg/5ml)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Albendazole Suspension dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Berhati-hati Ketika memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu Kesan Albendazole Suspension terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Albendazole Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan yang tidak diingini adalah ringan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kesan sampingan yang mungkin memerlukan rawatan perubatan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan secara amnya terhad kepada gangguan gastrousus, seperti sakit perut sementara dan cirit-birit.

Berhenti mengambil Albendazole Suspension dan hubungi doktor dengan segera atau pergi ke jabatan kecemasan hospital yang terdekat jika mana-mana yang berikut berlaku:

- Bengkak pada tangan, kaki, muka, mulut atau tekak
- Sesak nafas atau sukar bernafas
- Geligata atau alahan kulit yang teruk

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→

Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Albendazole Suspension

- Penyimpanan
Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang dingin. Lindungi dari Cahaya.

Pastikan ubat ini tidak dapat dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan
Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Cecair likat berwarna putih ke kuning air, legap, sekata berperisa buah-buahan dan kelihatan bebas daripada benda asing.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Albendazole 200mg setiap 5ml
- Bahan tidak aktif
Xanthan Gum, Glycerin, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Polysorbate, Liquid Sorbitol, Sugar, Saccharin Sodium, Raspberry Flavour, Anhydrous Disodium Hydrogen Phosphate, Anhydrous sodium dihydrogen phosphate dan Deionised water

- Nombor MAL
MAL19988504XZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

InspiraPharma Sdn Bhd (200401023395)
Lot 24 & 25, Jalan 8,
Kawasan Perusahaan Bakar Arang,
08000 Sungai Petani,
Kedah Darul Aman, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP
28/07/2026

Nombor siri
NPRA(R4/1)291118/00361